



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
**NEGERI KUMPULAN LATIHAN KELANASISWA MALAYSIA**  
(INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM & SWASTA)

AKTA PARLIMEN No. 38 Tahun 1968 PINDAAN No. 143 Tahun 1974 & 409 Tahun 1989

"SCOUTS CREATING A BETTER WORLD"

Ruj. Kami: PLNg.KLKM/LTH/2016(2)

Tarikh: 17 Jun 2016

**SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN**

Yg.Bhg. Datuk /Dato' /Datin /Prof. /Dr. /Tuan /Puan,

**TAWARAN MENGIKUTI KURSUS KETUA KREW KELANA (4K : KE ARAH BP AWARD) PPM NEGERI KLKM (IPTA/IPTS) 2016**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM)** dengan kerjasama **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** akan mengadakan kursus tersebut bagi tahun 2016 di bawah kelolaan **Jawatankuasa Program Negeri dan Pasukan Latihan Negeri KLKM**. Latihan ini adalah bertujuan untuk memenuhi syarat Lencana Kepimpinan dan Lencana Perkhidmatan serta melahirkan Pengakap Kelana ke arah Anugerah Baden-Powell (BPA) yang berkualiti dan bersistematis di samping Anugerah Remaja Perdana dan Pengiktirafan Profesional Aktiviti Luar dengan cogan kata "**Transformasi 1K Kelana Ke Arah IPP 2016**".

3. Untuk makluman Yg.Bhg. Datuk /Dato' /Datin /Prof. /Dr. /Tuan /puan, butiran latihan tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh : **11 ~ 14 OGOS 2016 (KHAMIS ~ AHAD) - 4H/3M**

*(Peserta wajib menghadiri Modul 1 (Program 4K) bermula di Seminar Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Di IPTA/IPTS Peringkat Kebangsaan di Auditorium Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 11 Ogos 2016 jam 8.00 pagi – 5.00 petang.)*

Tempat : **KEM BINA NEGARA ULU SEPRI, PEDAS, NEGERI SEMBILAN**  
(GPS: 2.656339, 102.090672)

Masa Daftar (4K) : **11 OGOS 2016 (KHAMIS) JAM 5.00 ~ 6.30 PETANG DI KEM. BERUNIFORM LENGKAP**

Yuran : **RM70.00 SEORANG**. Kos penyertaan meliputi Lencana Kepimpinan, bahan latihan, sijil penyertaan, ceramah, penginapan, dewan, makan/minum, kemudahan aktiviti dan sebagainya.

**BAYARAN HENDAKLAH dibuat SEBELUM atau PADA 1 OGOS 2016 (ISNIN)** atas nama **KLKM IKBN CHEMBONG** di **CIMB BANK (No Akaun : 8601034714)**. Sila emel dan buat sesalinan pembayaran sebagai bukti pembayaran.

..2/-



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
**NEGERI KUMPULAN LATIHAN KELANASISWA MALAYSIA**  
(INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM & SWASTA)

AKTA PARLIMEN No. 38 Tahun 1968 PINDAAN No. 143 Tahun 1974 & 409 Tahun 1989

"SCOUTS CREATING A BETTER WORLD"

- Penginapan : **ASRAMA DISEDIAKAN** (Sarung bantal, cadar & selimut tidak disediakan. Sila bawa untuk keselesaan sendiri)
- Makan/Minum : **Disediakan 3 kali sehari** iaitu bermula menu **makan malam** pada hari Khamis (11 Ogos 2016) dan berakhir menu **sarapan pagi** pada hari Ahad (14 Ogos 2016)
- Pakaian : Uniform Pengakap Kelana (Lengkap), pakaian sukan, ibadah & harian (menutup aurat)
- Peralatan : **DIGALAKKAN MEMBAWA LAPTOP**. Segala kerosakan dan kehilangan adalah tanggungan sendiri. Sila bawa ubatan peribadi dan sejadah. Lain-lain peralatan akan diberitahu kemudian.

4. Oleh yang demikian, Yg.Bhg. Datuk /Dato' /Datin /Prof. /Dr. /tuan /puan dimohon menghantar Borang BPK tersebut dengan lengkap (berbentuk softcopy sahaja) kepada **Cik Alnor bt Ahmad Nasaer, Transformation Management Officer (TMO) – Teknikal, Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Latihan), Pasukan Latihan Negeri** melalui emel: [alnor277@gmail.com](mailto:alnor277@gmail.com) (H/P : 012-2589811) dan CC kepada [afzbk@yahoo.com](mailto:afzbk@yahoo.com) **SEBELUM ATAU PADA 24 JULAI 2016 (AHAD)**.

Kerjasama dan perhatian Yg.Bhg. Datuk /Dato' /Datin /Prof. /Dr. /tuan /puan dalam menjayakan kursus ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"PENGAKAP MENTRANSFORMASI GENERASI"**

**"KELANASISWA PEMANGKIN KELESTARIAN UNIVERSITI"**

**"TRANSFORMASI 1K KELANA KE IPP 2016"**

Saya yang menurut perintah,

  
**AFFENDY ZABKHA BIN MOHAMAD ZAIN, PJK**

b.p Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

Persekutuan Pengakap Malaysia

Negeri Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia

- s.k : Pengerusi Majlis Pengakap Negeri PPM Negeri KLKM  
: Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri PPM Negeri KLKM  
: PPJR Tuan Haji Mohd Azman bin Mohd Alwy (Ketua Penolong Pengarah, BPK, JPP, KPT)  
: Encik Gobbi A/L Nathan (Penolong Pengarah, BPMs, JPT, KPT)  
: Pen. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri (Pengurusan Program), PPM Negeri KLKM